



SEPT
2025

SIAPA KAMI?

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah.

Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.

Selain itu, Cahaya Society juga aktif dalam menerbitkan karya dan tulisan tempatan di laman rasmi menerusi ruangan Arkib Cahaya bagi mengangkat apresiasi terhadap tulisan sama ada berbentuk ulasan buku, reviu filem, puisi, mahupun cerpen.

Demi Pendidikan,

Merdeka!



BIKIN APA?

W A R T A C A H A Y A



Outreach Prihatin Kesihatan

Pasukan outreach di bawah kepimpinan Tim masuk ke kampung untuk mengumpul maklumat, mendapatkan keizinan, dan memberikan penerangan tentang program vaksinasi bersama komuniti. Program ini diadakan bagi memastikan semua kanak-kanak mendapat hak untuk selamat dan dilindungi. Program ini dijadualkan berlangsung pada Oktober 2025 dengan kerjasama National Cancer Society Malaysia, Malaysian Medical Association, dan Kementerian Kesihatan Malaysia.



Outreach Komuniti-Madrasah Nur Jannah

Program Pasang Telinga kali ini dilaksanakan di Madrasah Nur Jannah. Lawatan ini menjadi ruang untuk mengeratkan silaturahim dengan komuniti serta mendengar pengalaman mereka secara dekat. Pasukan juga bertemu dengan warga komuniti yang berusaha membangunkan ruang sederhana bagi anak-anak untuk bermain, merasa selamat, dan beraktiviti. Melalui kunjungan ini, pasukan berpeluang untuk belajar secara langsung daripada komuniti yang dihormati.



Webinar Cahaya : Pembelajaran Bahasa Inggeris Berimpak untuk Komuniti Teringgir di Sabah

Webinar ini membincangkan pendekatan kreatif dan berimpak dalam pembelajaran Bahasa Inggeris, dengan fokus untuk memperkasa guru komuniti, aktivis, dan orang awam. Sesi ini turut menjadi ruang untuk belajar bersama, berkongsi pengalaman, serta membina sokongan yang lebih kukuh kepada komuniti terpinggir di Sabah. Penceramah bagi webinar ini ialah Hafiz Anuar, Penasihat Pendidikan Bahasa Inggeris dan Rakan Sekutu Cahaya Society.



Pesta Merdeka 2025 - Edisi Keempat

Cahaya Society dengan kerjasama Kelab Alumni Cahaya telah menganjurkan Pesta Merdeka 2025, edisi keempat sejak 2022. Sambutan ini menghimpunkan bakat anak-anak dari Pusat Alternatif dan Sekolah Swasta di Sandakan melalui pertandingan seperti sajak merdeka, koir patriotik, cerita rakyat dan lakarya. Lebih 100 hadirin hadir di Gilwell Scouts Nature Park bagi meraikan semangat kemerdekaan.



Karnival Kokurikulum - SMK Elopura II

Karnival Kokurikulum di SMK Elopura II Sandakan sekali lagi menjemput Cahaya Society untuk turut serta dalam acara tahunan ini. Tahun ini, karnival diadakan bersempena Hari Hutan Antarabangsa dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Sabah. Dalam program tersebut, Cahaya Society turut berpeluang memperkenalkan serta mendapat sokongan bagi produk komuniti Garaj Cahaya.

BIKIN APA?



Projek Iskul-Siri 60


Projek Iskul terus dilaksanakan dengan penuh konsistensi oleh Kelab Alumni Cahaya dengan memberikan ruang pembelajaran alternatif kepada anak-anak. Kali ini Aktiviti yang dijalankan merangkumi persembahan teater di bawah pokok dengan beralaskan kanvas, sesi pembelajaran mengenai fenomena monsun, serta permainan dalaman yang menyeronokkan. Melalui pendekatan ini, kanak-kanak bukan sahaja didedahkan kepada ilmu pengetahuan, tetapi juga diberikan peluang untuk meneroka kreativiti, mengasah kemahiran sosial, dan belajar dalam suasana yang lebih santai serta mesra komuniti.



melindungi hak kanak-kanak daripada perkahwinan bawah umur.

LDK-Perkhawinan Kanak-kanak di Malaysia

Anak-anak Cahaya mengikuti sesi Latihan dalam kumpulan(LDK) mengenai perkahwinan kanak-kanak. Mereka bersama-sama berbincang tentang punca dan kesannya terhadap kehidupan kanak-kanak. Aktiviti ini memberi peluang kepada mereka untuk meluahkan pandangan secara terbuka bersama rakan-rakan yang lain.



melindungi hak kanak-kanak daripada buruh paksa kanak-kanak

LDK-Buruh Paksa Kanak-Kanak

Anak-anak Kelas Adicita mengikuti Latihan Dalam Kumpulan(LDK) tentang buruh paksa kanak-kanak. Mereka mempelajari fakta serta kes berkaitan isu tersebut. Anak-anak turut berbincang dan memberi pendapat tentang cara melindungi hak kanak-kanak



BULAN DEPAN, BIKIN APA?

W A R T A C A H A Y A

Gift of Smile (GOS)

GOS ialah program kerjasama Cahaya Society bersama My Care untuk membina pustaka mini di Pusat Pembelajaran Alternatif.

Vaksin Measles & Rubella

KKM dengan kerjasama Cahaya Society akan menjalankan program vaksinasi menyasarkan anak-anak Pusat Pembelajaran Cahaya.

Borneo Bird Festival (BBF)

Cahaya Society akan membuat pameran dan bengkel seni diy iaitu Bengkel Sulaman Tangan, Bengkel Crochet dan Bengkel Kawat Bulu.

GARAJ CAHAYA



GRAB YOURS NOW:



W A R T A C A H A Y A



IMBAS UNTUK
DAFTAR
AHLI

TERIMA KASIH!
MAGSUKUL!

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah

8603686012 (CIMB Bank)



CAHAYA ENTERPRISE-QR

"Pendidikan Untuk Semua"

cahayasociety.org
cahayasociety@gmail.com
089 666 915